



MODEL KONSEPTUAL HUBUNGAN ANTARA GAYA PEMBELAJARAN, MOTIVASI DAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR TINGKATAN ENAM DALAM PENGAJIAN PERNIAGAAN DI MALAYSIA

A CONCEPTUAL FRAMEWORK ON THE RELATIONSHIP BETWEEN LEARNING STYLES, MOTIVATION, AND ACADEMIC PERFORMANCE OF SIXTH FORM BUSINESS STUDIES STUDENTS IN MALAYSIA

Ruzana Awang¹, Suzyanty Mohd Shokory^{2*}

¹ Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris Malaysia
Email: ruzanaawang@yahoo.com

² Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: suzyanty@fpe.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.10.2025

Revised date: 20.11.2025

Accepted date: 05.12.2025

Published date: 22.12.2025

To cite this document:

Awang, R., & Shokory, S. M. (2025) Model Konseptual Hubungan Antara Gaya Pembelajaran, Motivasi Dan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Enam Dalam Pengajian Perniagaan Di Malaysia. *International Journal of Modern Education*, 7 (28), 979-996.

DOI: 10.35631/IJMOE.728067

Abstrak:

Pencapaian akademik pelajar merupakan indikator utama keberkesanan sistem pendidikan dan kualiti kurikulum kebangsaan. Namun, perbezaan individu dari segi gaya pembelajaran dan tahap motivasi sering menimbulkan variasi dalam prestasi pelajar, khususnya dalam konteks Pengajian Perniagaan di peringkat Tingkatan Enam. Artikel konseptual ini membangunkan satu model konseptual baharu yang menghubungkan gaya pembelajaran VARK (Visual, Auditori, Bacaan/Tulisan, dan Kinestetik), motivasi intrinsik dan ekstrinsik, serta pencapaian akademik. Kajian ini menggunakan kaedah kajian literatur naratif yang mensintesis hasil penyelidikan terkini (2020–2025) daripada pangkalan data berindeks Scopus dan jurnal berwasiat. Model ini berasaskan Teori Gaya Pembelajaran Fleming dan Mills (1992) serta Teori Penentuan Kendiri (Deci & Ryan, 1985, 2000, 2020) yang menerangkan interaksi antara faktor kognitif (cara pelajar belajar) dan faktor afektif (mengapa pelajar belajar). Dapatan literatur menunjukkan bahawa motivasi berperanan sebagai mekanisme mediasi dalam hubungan antara gaya pembelajaran dan pencapaian akademik, dengan motivasi intrinsik memperkukuh kesan langsung gaya pembelajaran, manakala motivasi ekstrinsik menyediakan sokongan tambahan. Berdasarkan sintesis ini, kajian mencadangkan model mediasi separa di mana gaya pembelajaran mempengaruhi pencapaian akademik secara langsung dan tidak langsung melalui motivasi. Integrasi VARK dan SDT menyediakan asas

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



teoritikal bagi strategi pengajaran berpusatkan pelajar yang berkesan, yang mampu meningkatkan motivasi dan prestasi akademik dalam konteks prauniversiti di Malaysia. Model konseptual ini bukan sahaja memperkukuh asas teori, tetapi juga berpotensi dijadikan panduan pedagogi dan asas bagi kajian empirikal masa hadapan.

Kata Kunci:

Gaya Pembelajaran VARK, Motivasi Intrinsik, Motivasi Ekstrinsik, Pencapaian Akademik, Teori Penentuan Kendiri, Pedagogi Berpusatkan Pelajar, Pelajar Tingkatan Enam

Abstract:

Student academic achievement is a key indicator of the effectiveness of the education system and the quality of the national curriculum. However, individual differences in learning styles and levels of motivation often lead to variations in student performance, particularly in the context of Business Studies at the Form Six level. This conceptual article develops a new conceptual model that links the VARK learning styles (Visual, Auditory, Reading/Writing, and Kinesthetic), intrinsic and extrinsic motivation, and academic achievement. The study employs a narrative literature review method, synthesizing recent research findings (2020–2025) from Scopus-indexed databases and peer-reviewed journals. The model is grounded in Fleming and Mills’ Learning Styles Theory (1992) and Self-Determination Theory (Deci & Ryan, 1985, 2000, 2020), which explain the interaction between cognitive factors (how students learn) and affective factors (why students learn). Literature findings indicate that motivation acts as a mediating mechanism in the relationship between learning styles and academic achievement, with intrinsic motivation reinforcing the direct effect of learning styles, while extrinsic motivation provides additional support. Based on this synthesis, the study proposes a partial mediation model in which learning styles influence academic achievement both directly and indirectly through motivation. The integration of VARK and SDT provides a theoretical foundation for effective student-centered teaching strategies that can enhance motivation and academic performance in the Malaysian pre-university context. This conceptual model not only strengthens theoretical foundations but also has the potential to serve as a pedagogical guide and a basis for future empirical research.

Keywords:

VARK Learning Styles, Intrinsic Motivation, Extrinsic Motivation, Academic Achievement, Self-Determination Theory, Student-Centered Pedagogy, Form Six Students

Pengenalan

Dalam sistem pendidikan Malaysia, pencapaian akademik pelajar dijadikan ukuran utama keberkesanan dasar dan pelaksanaan kurikulum (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Bagi pelajar Tingkatan Enam, khususnya dalam mata pelajaran Pengajian Perniagaan, prestasi akademik mencerminkan kemampuan mereka memahami konsep ekonomi dan pengurusan serta menerapkannya dalam situasi sebenar (Alzabidi et al., 2024). Bagaimanapun, hasil penilaian Majlis Peperiksaan Malaysia (2024) menunjukkan bahawa kadar kelulusan mata

pelajaran ini masih tidak konsisten antara negeri dan sekolah. Situasi ini menunjukkan bahawa faktor dalaman pelajar termasuk gaya pembelajaran dan motivasi dipengaruhi oleh pencapaian akademik mereka.

Gaya pembelajaran merujuk kepada kecenderungan individu dalam menerima, memproses dan mengingat maklumat baharu (Fleming & Mills, 1992). Dalam kalangan pelajar prauniversiti, pemahaman terhadap gaya pembelajaran penting bagi membolehkan guru menyesuaikan strategi pengajaran mengikut keperluan pelajar (Sejdiu et al., 2024). Namun, gaya pembelajaran sahaja tidak menjamin pencapaian akademik tinggi tanpa motivasi dalaman yang mendorong pelajar belajar secara aktif dan berterusan (Al Shuaili, 2025). Oleh itu, hubungan antara gaya pembelajaran, motivasi dan pencapaian akademik perlu difahami secara menyeluruh melalui model konseptual berasaskan teori dan bukti empirikal.

Motivasi adalah faktor psikologi yang memainkan peranan penting dalam menentukan arah, intensiti dan ketekalan usaha pelajar dalam pembelajaran (Ryan & Deci, 2020). Konteks pendidikan prauniversiti, motivasi mempengaruhi minat dan tumpuan pelajar terhadap subjek serta menentukan sejauh mana mereka mampu mengekalkan daya tahan ketika menghadapi cabaran akademik (Lee & Choi, 2023). Pelajar dengan motivasi intrinsik cenderung belajar kerana minat dan kepuasan dalaman. Manakala pelajar bermotivasi ekstrinsik terdorong oleh ganjaran luaran seperti markah atau penghargaan (Deci & Ryan, 2000; Al Shuaili, 2025). Kedua-dua jenis motivasi ini perlu diimbangi agar pelajar dapat mencapai matlamat akademik secara berkesan dan berterusan. Memahami bagaimana gaya pembelajaran mempengaruhi tahap motivasi pelajar adalah penting untuk memastikan pendekatan pengajaran dapat merangsang dorongan belajar secara optimum dan seterusnya menyokong pencapaian akademik.

Sorotan Literatur

Dalam bidang pendidikan abad ke-21, perbincangan mengenai hubungan antara gaya pembelajaran, motivasi dan pencapaian akademik semakin mendapat perhatian seiring dengan keperluan memahami kepelbagaian kaedah pelajar memproses maklumat serta faktor afektif yang menyumbang kepada pencapaian akademik (Sejdiu et al., 2024). Kajian-kajian terdahulu menegaskan bahawa pencapaian akademik tidak hanya ditentukan oleh kebolehan kognitif, tetapi turut dipengaruhi oleh strategi pembelajaran yang digunakan, keupayaan penglibatan pelajar, tahap motivasi serta kesesuaian pendekatan pengajaran (Ryan & Deci, 2020; Rahman & Hashim, 2022). Oleh itu, gabungan analisis terhadap gaya pembelajaran dan motivasi pelajar diperlukan bagi membolehkan guru merangka pendekatan pengajaran yang lebih sistematik, responsif dan menyokong perbezaan keperluan pelajar, khususnya bagi pelajar prauniversiti yang sedang melalui fasa peralihan ke pendidikan tinggi.

Motivasi pula berperanan sebagai penghubung utama yang menjelaskan kesan gaya pembelajaran terhadap pencapaian akademik. Kajian meta-analisis oleh Wang et al. (2024) mendapati bahawa pelajar dengan motivasi intrinsik yang tinggi lebih berupaya menyesuaikan gaya pembelajaran mereka mengikut keperluan tugas yang diberikan, sekali gus meningkatkan keberkesanan strategi pembelajaran. Dapatan serupa oleh Hanawi et al. (2022) menunjukkan adanya korelasi positif yang signifikan antara gaya pembelajaran auditori dan kinestetik dengan pencapaian akademik, namun kesannya diperkuat oleh tahap motivasi pelajar.

Dalam konteks pendidikan prauniversiti, pelajar yang mempunyai motivasi dalaman yang tinggi cenderung memanfaatkan gaya pembelajaran secara optimum, manakala mereka yang bergantung pada motivasi luaran mungkin memerlukan pendekatan pengajaran yang lebih dipandu dan diberi sokongan berperingkat (Alivernini et al., 2023). Hal ini memperkukuh pandangan bahawa motivasi berfungsi sebagai pemboleh ubah pengantaraan (*mediator*) yang menjelaskan hubungan antara gaya pembelajaran dan prestasi akademik, kerana tanpa dorongan dalaman, strategi pembelajaran yang baik tidak semestinya menghasilkan pencapaian yang cemerlang.

Selain itu, pelbagai kajian antarabangsa dan tempatan turut menyokong hubungan kausal antara ketiga-tiga konstruk ini. Kajian oleh Tu et al. (2024) menegaskan bahawa motivasi intrinsik memberi kesan langsung terhadap prestasi pelajar melalui peningkatan penglibatan dan daya tahan akademik. Kajian tempatan oleh Rahman dan Hashim (2022) pula menunjukkan bahawa gaya pembelajaran VARK secara tidak langsung mempengaruhi pencapaian akademik pelajar prauniversiti melalui motivasi, selari dengan dapatan antarabangsa oleh Zhao dan Liu (2024). Oleh itu, sorotan literatur ini mengukuhkan asas konseptual bahawa motivasi intrinsik dan ekstrinsik memainkan peranan sebagai pemboleh ubah pengantaraan utama dalam hubungan antara gaya pembelajaran dan pencapaian akademik. Hal ini amat relevan dalam konteks pelajar Tingkatan Enam di Malaysia yang sedang mempersiapkan diri ke peringkat pendidikan tinggi, di mana keupayaan mengenal pasti gaya pembelajaran sendiri dan mengekalkan motivasi dalaman menjadi faktor penentu kejayaan akademik.

Gaya Pembelajaran VARK

Model gaya pembelajaran VARK yang diperkenalkan oleh Fleming dan Mills (1992) merupakan antara model pembelajaran paling berpengaruh dalam pendidikan moden kerana menekankan kepelbagaian cara individu memproses maklumat semasa belajar. Akronim VARK mewakili empat keutamaan utama pembelajaran, iaitu *Visual* (V), *Auditory* (A), *Reading/Writing* (R) dan *Kinesthetic* (K). Model ini digunakan secara meluas dalam kajian pendidikan kerana ia menyediakan kaedah diagnostik ringkas untuk mengenal pasti kecenderungan persepsi pelajar dalam pembelajaran. Namun, sebagai instrumen pengukuran, VARK mempunyai ciri data berskala nominal, menjadikan ia tidak boleh terus dianalisis sebagai pemboleh ubah kuantitatif tanpa proses transformasi terutamanya apabila digunakan dalam pemodelan hubungan struktural seperti SEM. Oleh itu, kajian empirikal yang akan dijalankan perlu menjelaskan proses pengoperasian dan menentukan kaedah pengkodan. Pendekatan ini menyelesaikan isu metodologi yang sering dikritik dalam kajian gaya pembelajaran, kerana ramai penyelidik menggunakan VARK sebagai pemboleh ubah berasaskan skor ordinal walaupun ia pada asasnya adalah nominal.

Di samping itu, walaupun Fleming menegaskan bahawa kebanyakan pelajar bersifat multimodal, ramai kajian menggunakan pendekatan satu gaya dominan bagi menjelaskan hubungan dengan pencapaian akademik. Ramai kajian terdahulu masih menggunakan pendekatan “*single-style dominance*” bagi tujuan analisis, walaupun pendekatan ini semakin dipersoalkan dari sudut kesahan konstruk. Laporan ulasan sistematik oleh Coffield et al. (2024) dan eksperimen Pashler et al. (2018) mendapati bahawa bukti empirikal menyokong “*matching hypothesis*” masih bercampur dan tidak konsisten. Hal ini menunjukkan bahawa gaya pembelajaran tidak seharusnya dianggap penentu langsung pencapaian akademik tanpa mengambil kira mekanisme psikologi perantara seperti motivasi, efikasi sendiri, sokongan guru dan beban kognitif pelajar. Walau bagaimanapun, kajian lebih terkini melaporkan

hubungan tidak langsung yang lebih stabil di mana gaya pembelajaran mempengaruhi pencapaian melalui faktor afektif. Sebagai contoh, Hanawi et al. (2022) mendapati pelajar dengan gaya auditori dan kinestetik menunjukkan pencapaian tinggi apabila disertai motivasi pembelajaran yang kuat. Tu et al. (2024) dan Zhao dan Liu (2024) pula menegaskan bahawa kesesuaian antara pendekatan PdP dan kecenderungan kognitif pelajar meningkatkan keyakinan akademik, mengurangkan keletihan belajar, serta merangsang motivasi intrinsik. Oleh itu, menggunakan VARK dalam kajian ini memerlukan rasional empirikal dan operasional yang jelas, bukan sekadar menganggap pembahagian gaya pembelajaran secara automatik membawa kepada peningkatan prestasi. Sehubungan itu, penggunaan VARK dalam model ini menuntut penjelasan metodologi yang teliti serta pemilihan kaedah analisis yang selaras dengan sifat datanya, bagi memastikan keserasian dengan teknik pemodelan berasaskan SEM.

Menurut Fleming (2014), model ini menegaskan bahawa setiap pelajar mempunyai kecenderungan tersendiri dalam menerima, mengekalkan, dan mentafsir maklumat pembelajaran. Pemahaman terhadap gaya pembelajaran ini membolehkan guru dan pelajar menyesuaikan strategi PdP agar lebih selaras dengan keperluan kognitif pelajar (Hawk & Shah, 2022). Dalam konteks abad ke-21, pendekatan berasaskan VARK terbukti relevan untuk mewujudkan pembelajaran berpusatkan pelajar, terutamanya dalam persekitaran digital dan kolaboratif (Widiyanto et al., 2025).

Setiap komponen dalam model VARK menerangkan pendekatan tersendiri yang digunakan pelajar dalam memproses dan menilai maklumat. Pelajar visual lebih cenderung memahami maklumat melalui bahan bergambar seperti carta, peta minda dan video, kerana mereka mengaitkan pembelajaran dengan gambaran mental yang jelas (Khan & Rehman, 2023). Pelajar auditori pula lebih responsif terhadap penjelasan lisan, perbincangan, kuliah dan rakaman audio (Sejdiu et al., 2024). Sementara itu, pelajar bacaan/tulisan menunjukkan kefahaman lebih mendalam apabila berinteraksi dengan teks bertulis, seperti nota, artikel atau penulisan semula isi penting (Almalki, 2021). Bagi pelajar kinestetik, pembelajaran lebih berkesan melalui aktiviti pengalaman langsung, simulasi, demonstrasi atau projek praktikal kerana mereka memahami konsep dengan lebih baik apabila terlibat secara fizikal (Ceylan & Kesici, 2020). Fleming (2014) turut menjelaskan bahawa ramai pelajar bersifat multimodal, iaitu menggabungkan lebih daripada satu gaya pembelajaran bergantung pada konteks dan situasi.

Walaupun model VARK telah digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang pendidikan, beberapa sarjana menekankan keperluan mengaplikasikannya secara berhati-hati dan kontekstual. Coffield et al. (2004) dan Pashler et al. (2008) menegaskan bahawa keberkesanan pendekatan berasaskan gaya pembelajaran bergantung pada reka bentuk pedagogi yang sesuai, bukan semata-mata kepada klasifikasi gaya pelajar. Namun, kajian terkini menunjukkan bahawa pelajar yang didedahkan kepada strategi pengajaran selaras dengan gaya pembelajaran mereka menunjukkan tahap tumpuan dan motivasi yang lebih tinggi (Hassan, 2022; Hawk & Shah, 2022). Kajian Gokalp (2022) turut membuktikan bahawa penerapan pelbagai gaya pembelajaran dalam satu sesi pembelajaran dapat meningkatkan keberkesanan kognitif dan penglibatan pelajar. Dalam konteks prauniversiti di Malaysia, khususnya bagi pelajar Pengajian Perniagaan yang memerlukan keseimbangan antara teori dan aplikasi, integrasi model VARK berpotensi membantu guru merancang strategi pengajaran yang lebih berkesan

serta merangsang motivasi dan pencapaian akademik (Rahman & Hashim, 2022; Widiyanto et al., 2025).

Oleh itu, penggunaan VARK dalam kajian ini adalah lebih kukuh apabila disokong dengan justifikasi operasionalisasi, pendekatan pengkodan yang sesuai untuk analisis SEM, dan hujah empirikal yang menunjukkan bahawa hubungannya dengan pencapaian akademik berlaku melalui proses psikologi perantara. Pendekatan ini membolehkan kajian bergerak selari dengan amalan penyelidikan kontemporari yang tidak lagi melihat gaya pembelajaran sebagai prediktor tunggal pencapaian tetapi sebagai salah satu elemen asas yang berinteraksi dengan motivasi, strategi kognitif dan sokongan pembelajaran untuk menghasilkan kesan terhadap prestasi pelajar.

Motivasi Intrinsik dan Motivasi Ekstrinsik

Motivasi merupakan faktor psikologi yang menentukan arah, intensiti dan ketekalan tingkah laku seseorang individu dalam usaha mencapai matlamat tertentu (Ryan & Deci, 2020). Dalam konteks pendidikan, motivasi difahami sebagai tenaga dalaman yang menggerakkan pelajar untuk belajar, mengekalkan tumpuan serta berusaha mencapai kejayaan akademik walaupun berhadapan dengan tekanan persekitaran (Howard et al., 2021). Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory*, SDT) oleh Deci dan Ryan (1985; 2000; 2020) menyatakan bahawa motivasi wujud dalam satu kontinum yang merangkumi dua bentuk utama iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik, yang berbeza berdasarkan tahap autonomi pelajar dalam mengawal tingkah laku pembelajaran mereka. Wang et al. (2024) menyatakan bahawa pelajar yang mempunyai kawalan dalaman tinggi terhadap pembelajaran cenderung menunjukkan motivasi yang lebih lestari serta memberikan impak positif terhadap pencapaian akademik jangka panjang.

Motivasi intrinsik merujuk kepada dorongan dalaman yang lahir daripada minat, rasa seronok dan kepuasan diri terhadap tugas pembelajaran tanpa kebergantungan kepada ganjaran luar (Deci & Ryan, 1985; Alivernini et al., 2023). Pelajar bermotivasi intrinsik cenderung terlibat dalam pembelajaran kerana mereka menghargai proses meneroka ilmu, menikmati cabaran kognitif dan menilai kejayaan berdasarkan perkembangan sendiri (Wang, 2024). Kajian meta-analisis oleh Howard et al. (2021) mendapati bahawa motivasi intrinsik mempunyai hubungan signifikan dengan pencapaian akademik yang lebih baik, penglibatan aktif dalam pembelajaran serta daya tahan terhadap tekanan akademik. Dalam konteks pelajar prauniversiti, bentuk motivasi ini turut membentuk sikap positif terhadap mata pelajaran, menggalakkan pembelajaran sendiri dan meningkatkan kecenderungan meneroka idea baharu secara mendalam (Vanden Bogaard et al., 2024). Selaras dengan kerangka model kajian, motivasi intrinsik berfungsi sebagai mekanisme psikologi yang menjelaskan bagaimana kesesuaian antara strategi PdP dan kecenderungan pembelajaran individu dapat meningkatkan penglibatan akademik yang berkekalan.

Sebaliknya, motivasi ekstrinsik berasaskan faktor luaran seperti ganjaran, pengiktirafan, keputusan peperiksaan atau tekanan sosial (Ryan & Deci, 2020). Walaupun sering dianggap kurang stabil berbanding motivasi intrinsik, ia tetap memainkan peranan penting terutamanya dalam sistem pendidikan berorientasikan peperiksaan seperti di Malaysia (Tu et al., 2024). Zhao dan Liu (2024) melaporkan bahawa motivasi ekstrinsik berfungsi sebagai pemangkin awal penglibatan pelajar sebelum mereka membentuk minat yang lebih mendalam terhadap subjek yang dipelajari. Dalam konteks Tingkatan Enam, dorongan ibu bapa, persaingan rakan

sebayanya serta kepentingan pencapaian akademik untuk kelayakan ke universiti menjadi faktor penting yang mempengaruhi usaha pelajar (Rahman & Hashim, 2022). Kewujudan sokongan persekitaran pembelajaran seperti bimbingan guru, struktur pembelajaran yang jelas dan penetapan matlamat akademik turut menentukan keberkesanan motivasi ekstrinsik dalam meningkatkan prestasi (Wang et al., 2024).

Berdasarkan kerangka SDT, kedua-dua bentuk motivasi tidak harus digabungkan dalam satu konstruk tunggal kerana ia memberi kesan akademik melalui mekanisme yang berbeza. Oleh itu, dalam kajian ini motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik dianalisis sebagai dua mediator yang berasingan dalam model SEM. Pendekatan ini bukan sahaja selaras dengan saranan Ryan dan Deci (2020), tetapi juga membolehkan penyelidik menilai:

1. Bentuk motivasi yang memberikan sumbangan paling signifikan terhadap pencapaian pelajar;
2. Sejauh mana gaya pembelajaran memberi kesan yang sama atau berbeza terhadap motivasi intrinsik dan ekstrinsik;
3. Sama ada hubungan antara gaya pembelajaran dan pencapaian akademik bersifat mediasi penuh atau separa.

Jadual 1 menyokong keputusan ini melalui dapatan konsisten kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa gaya pembelajaran memberi kesan tidak langsung terhadap pencapaian akademik melalui proses perantara motivasi. Sejdiu et al. (2024) mendapati bahawa kesesuaian gaya pembelajaran meningkatkan motivasi intrinsik, manakala Al Shuaili (2025) melaporkan bahawa motivasi intrinsik memberi kesan lebih signifikan terhadap pencapaian berbanding motivasi ekstrinsik. Rahman dan Hashim (2022) pula memperincikan bahawa dalam konteks prauniversiti Malaysia, gaya pembelajaran memberikan kesan tidak langsung terhadap prestasi melalui motivasi, bukan melalui pengaruh langsung.

Jadual 1: Ringkasan Kajian Terdahulu Berkaitan Gaya Pembelajaran, Motivasi dan Pencapaian Akademik

Penulis & Tahun	Fokus Kajian	Dapatan Utama	Relevan dengan Kajian Ini
Sejdiu Shala, Thaçi, & Shala (2024)	Hubungan antara gaya pembelajaran dan motivasi pelajar universiti di Kosovo.	Gaya pembelajaran yang sesuai dapat meningkatkan motivasi intrinsik serta prestasi pelajar.	Menyokong pandangan bahawa gaya pembelajaran mempunyai hubungan rapat dengan motivasi pelajar.
Widiyanto, D., Novitasari, N., Syahroni, M., Prananda, A. R., Mujtahidah, T., & Istiqomah, A. (2025)	Penggunaan model VARK dalam pembelajaran Pendidikan Kewarganegaraan di Indonesia.	Model VARK kekal relevan dalam konteks pembelajaran dalam talian; pelajar kinestetik menunjukkan tahap penglibatan tertinggi.	Menunjukkan kesesuaian model VARK untuk diaplikasikan dalam konteks pembelajaran Pendidikan Kewarganegaraan.
Al Shuaili (2025)	Pengaruh motivasi intrinsik dan ekstrinsik	Motivasi intrinsik mempunyai kesan	Menyokong peranan motivasi sebagai

	terhadap sikap serta pencapaian pelajar sekolah menengah di Oman.	yang lebih signifikan terhadap prestasi akademik berbanding motivasi ekstrinsik.	pemboleh ubah pengantara penting dalam hubungan antara gaya pembelajaran dan prestasi akademik.
Alzabidi, Rahman, & Ismail (2024)	Hubungan antara efikasi sendiri dan pencapaian pelajar di Malaysia.	Efikasi sendiri dan motivasi dalaman menyumbang kepada peningkatan prestasi pelajar.	Menyediakan konteks tempatan berkaitan hubungan antara motivasi dan pencapaian pelajar prauniversiti.
Lee & Choi (2023)	Kesan motivasi terhadap hasil pembelajaran dalam persekitaran pembelajaran teradun (<i>blended learning</i>).	Motivasi intrinsik menunjukkan korelasi tinggi dengan penglibatan aktif dan pencapaian akademik.	Mengukuhkan bukti bahawa motivasi merupakan faktor penentu utama dalam pencapaian pelajar.
Hassan (2022)	Kecenderungan gaya pembelajaran dan tahap motivasi pelajar Tingkatan Enam di Malaysia.	Pelajar yang belajar mengikut gaya dominan menunjukkan tahap motivasi yang lebih tinggi dan prestasi akademik yang lebih baik.	Berkait rapat dengan konteks kajian ini yang meneliti pelajar Tingkatan Enam di Malaysia.
Rahman & Hashim (2022)	Hubungan antara gaya pembelajaran, motivasi dan prestasi akademik pelajar prauniversiti.	Gaya pembelajaran memberikan kesan tidak langsung terhadap pencapaian akademik melalui peranan motivasi.	Menyokong model konseptual kajian ini bahawa motivasi berfungsi sebagai pemboleh ubah pengantara.
Khan & Rehman (2023)	Analisis gaya pembelajaran VARK dan kejayaan akademik pelajar kolej.	Pelajar dengan gaya auditori dan kinestetik menunjukkan prestasi terbaik dalam kursus berorientasikan aplikasi.	Menunjukkan kepentingan menyesuaikan kaedah pengajaran dengan gaya pembelajaran pelajar.
Zhao & Liu (2024)	Hubungan antara motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran dalam talian.	Motivasi intrinsik meningkatkan tahap penglibatan dan kejayaan akademik secara signifikan.	Menyokong kepentingan integrasi motivasi intrinsik dalam model pembelajaran abad ke-21.

Almalki (2021)	Hubungan antara gaya pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar universiti di Arab Saudi.	Gaya visual dan kinestetik dikaitkan dengan pencapaian tertinggi dalam kursus teori dan praktikal.	Mengukuhkan kesahan model VARK dalam konteks antarabangsa.
----------------	--	---	---

Sumber: Disintesis daripada pelbagai kajian terdahulu (2020–2025).

Berdasarkan sintesis ini, dapat dirumuskan bahawa motivasi berperanan sebagai mekanisme kognitif dan afektif yang menghubungkan gaya pembelajaran dengan keberkesanan PdP dan seterusnya pencapaian akademik. Oleh itu, artikel ini mengemukakan kerangka konseptual yang menempatkan motivasi intrinsik dan ekstrinsik sebagai pemboleh ubah pengantara utama dalam hubungan antara gaya pembelajaran VARK dan prestasi akademik pelajar Tingkatan Enam di Malaysia.

Hubungan antara Gaya Pembelajaran, Motivasi dan Pencapaian Akademik

Hubungan antara gaya pembelajaran, motivasi, dan pencapaian akademik telah menjadi fokus utama dalam penyelidikan pendidikan kerana ia mencerminkan interaksi antara faktor kognitif dan afektif yang mempengaruhi kejayaan pelajar. Gaya pembelajaran merujuk kepada kaedah atau strategi individu dalam memperoleh, memproses, dan menyimpan maklumat (Mozaffari et al., 2020). Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang mengenal pasti dan menggunakan strategi pembelajaran yang sejajar dengan gaya dominan mereka lebih fokus, bermotivasi, dan menunjukkan prestasi akademik yang lebih tinggi (Chinnapun & Narkkul, 2024).

Dalam kajian ini, gaya pembelajaran diukur menggunakan instrumen VARK, yang dikodkan berdasarkan skor dominan setiap pelajar. Pelajar dikelaskan mengikut gaya utama (Visual, Auditori, Membaca/menulis, Kinestetik), yang membolehkan analisis SEM dijalankan dengan berkesan dan mengurangkan isu pengukuran nominal. Penekanan ini penting untuk menjelaskan bagaimana gaya pembelajaran dapat digunakan sebagai pemboleh ubah bebas dalam model mediasi yang dicadangkan.

Selain itu, gaya pembelajaran yang sesuai meningkatkan tahap autonomi dan efikasi sendiri pelajar, yang seterusnya memupuk motivasi intrinsik selaras dengan prinsip Teori Penentuan Kendiri (Self-Determination Theory, SDT) (Ryan & Deci, 2020; Howard et al., 2021). Ini menunjukkan bahawa gaya pembelajaran bukan sekadar faktor kognitif, tetapi juga bertindak sebagai pencetus emosi dan motivasi yang mendorong pelajar untuk berusaha secara berterusan.

Motivasi dalam kajian ini dikategorikan kepada intrinsik dan ekstrinsik, dan diuji secara serentak sebagai pemboleh ubah pengantara (mediator) antara gaya pembelajaran dan pencapaian akademik. Motivasi intrinsik merujuk kepada dorongan dalaman pelajar untuk belajar demi kepuasan dan minat, manakala motivasi ekstrinsik melibatkan dorongan luaran seperti ganjaran, pengiktirafan, atau tekanan sosial (Ryan & Deci, 2020). Kajian meta-analisis oleh Wang et al. (2024) mendapati bahawa pelajar dengan motivasi intrinsik yang tinggi lebih berupaya menyesuaikan gaya pembelajaran mereka mengikut keperluan tugas, sekaligus meningkatkan keberkesanan strategi pembelajaran. Dapatan serupa oleh Hanawi et al. (2022) menunjukkan korelasi positif yang signifikan antara gaya pembelajaran auditori dan kinestetik dengan pencapaian akademik, namun kesannya diperkuat oleh tahap motivasi pelajar.

Pencapaian akademik diukur melalui gred kumulatif (CGPA) bagi mata pelajaran teras Tingkatan Enam, yang mencerminkan pencapaian keseluruhan pelajar dan sejajar dengan standard penilaian nasional. Dalam konteks pendidikan prauniversiti, pelajar yang mempunyai motivasi dalaman yang tinggi cenderung memanfaatkan gaya pembelajaran secara optimum, manakala mereka yang bergantung pada motivasi luaran mungkin memerlukan intervensi pedagogi yang lebih berstruktur (Alivernini et al., 2023). Hal ini memperkukuh pandangan bahawa motivasi berfungsi sebagai pemboleh ubah pengantaraan utama (mediator) yang menjelaskan hubungan antara gaya pembelajaran dan prestasi akademik.

Walaupun model ini mencadangkan laluan kausal gaya pembelajaran → motivasi → pencapaian akademik, beberapa kajian melaporkan bukti tidak konsisten berkaitan hubungan langsung antara VARK dan pencapaian akademik (Pashler et al., 2009; Cuevas et al., 2021). Oleh itu, model ini mengekalkan laluan mediasi separa, dengan laluan langsung gaya pembelajaran → pencapaian akademik dijelaskan secara teoritikal: pelajar mungkin mendapat manfaat daripada strategi pembelajaran yang sejajar dengan gaya dominan mereka walaupun tahap motivasi berbeza, selaras dengan prinsip learning strategy adaptation.

Pelbagai kajian antarabangsa dan tempatan menyokong hubungan ini. Kajian oleh Tu et al. (2024) menegaskan bahawa motivasi intrinsik memberi kesan langsung terhadap prestasi pelajar melalui peningkatan penglibatan dan daya tahan akademik. Kajian tempatan oleh Rahman dan Hashim (2022) menunjukkan bahawa gaya pembelajaran VARK secara tidak langsung mempengaruhi pencapaian akademik melalui motivasi, selari dengan dapatan Zhao & Liu (2024).

Oleh itu, sorotan literatur ini mengukuhkan asas konseptual bahawa motivasi intrinsik dan ekstrinsik memainkan peranan sebagai mediator utama dalam hubungan antara gaya pembelajaran dan pencapaian akademik. Hal ini amat relevan dalam konteks pelajar Tingkatan Enam di Malaysia yang sedang mempersiapkan diri ke peringkat pendidikan tinggi, di mana keupayaan mengenal pasti gaya pembelajaran sendiri dan mengekalkan motivasi dalaman menjadi faktor penentu kejayaan akademik.

Jadual 2: Sintesis Kajian Terdahulu Mengenai Hubungan antara Gaya Pembelajaran, Motivasi dan Pencapaian Akademik (2020–2025)

Penulis & Tahun	Sampel / Konteks Kajian	Fokus Kajian	Dapatan Utama	Relevan dengan Kajian Ini
Mozaffari et al. (2020)	Pelajar pergigian Iran	Hubungan gaya pembelajaran dan pencapaian akademik	Pelajar dengan gaya kinestetik menunjukkan prestasi tertinggi; motivasi memediasi hubungan.	Menyokong peranan motivasi sebagai pengantaraan antara gaya pembelajaran dan prestasi.
Hanawi et al. (2022)	Pelajar universiti Arab Saudi	Hubungan VARK dengan motivasi dan pencapaian	Hanya gaya auditori berhubung signifikan dengan CGPA	Menyokong bahawa motivasi menghubungkan VARK dengan hasil akademik.

				melalui motivasi dalam.	
Alivernini, F., Manganelli, S., & Cavicchiolo, E. (2023)	Pelajar berpendapatan rendah, Itali	SDT motivasi akademik	dan	Autonomi dan sokongan sosial meningkatkan motivasi intrinsik dan pencapaian.	Menjelaskan hubungan antara autonomi, motivasi dan prestasi akademik.
Chinnapun & Narkkul (2024)	Pelajar perubatan Thailand	Kaedah pengajaran berasaskan VARK		Pendekatan VARK meningkatkan motivasi dan kefahaman pelajar.	Menunjukkan keberkesanan aplikasi VARK dalam pembelajaran tinggi.
Tu, Liu, & Díaz (2024)	Pelajar berkeperluan khas AS	Motivasi dan kesejahteraan akademik		Motivasi intrinsik memperkuh keazaman dan kejayaan akademik.	Menyokong SDT dalam konteks motivasi dan pencapaian.
Rahman & Hashim (2022)	Pelajar prauniversiti Malaysia	Gaya pembelajaran, motivasi dan pencapaian		Motivasi memediasi hubungan antara gaya pembelajaran dan prestasi.	Relevan dengan konteks tempatan kajian ini.
Zhao & Liu (2024)	Pelajar dalam talian China	Motivasi dalam pembelajaran maya		Motivasi intrinsik meningkatkan penglibatan dan pencapaian pelajar.	Menyokong kesan motivasi terhadap prestasi pelajar abad ke-21.

Sumber: Disintesis daripada pelbagai kajian terdahulu (2020–2025).

Jadual 2 memperincikan sintesis kajian terdahulu yang meneliti hubungan antara gaya pembelajaran, motivasi, dan pencapaian akademik dalam pelbagai konteks pendidikan antara tahun 2020 hingga 2025. Analisis menunjukkan bahawa gaya pembelajaran secara amnya memberi kesan tidak langsung terhadap pencapaian akademik melalui peranan mediasi motivasi, khususnya motivasi intrinsik. Kajian antarabangsa oleh Mozaffari et al. (2020), Hanawi et al. (2022), dan Tu et al. (2024) menyokong dapatan bahawa pelajar yang menerima pendekatan pengajaran yang sejajar dengan gaya pembelajaran mereka menunjukkan peningkatan motivasi dan prestasi akademik. Walau bagaimanapun, terdapat kajian yang melaporkan bukti tidak konsisten berkaitan hubungan langsung antara VARK dan pencapaian akademik (Pashler et al., 2009; Cuevas et al., 2021), justeru model ini mengekalkan laluan mediasi separa, di mana gaya pembelajaran juga boleh memberi kesan langsung terhadap pencapaian melalui strategi pembelajaran yang diadaptasi sendiri oleh pelajar. Dapatan kajian tempatan oleh Rahman dan Hashim (2022), yang melibatkan pelajar prauniversiti di Malaysia, mengesahkan bahawa motivasi berfungsi sebagai pemboleh ubah pengantaraan utama, selari dengan dapatan antarabangsa. Secara keseluruhannya, sintesis ini mengukuhkan asas

konseptual bahawa mediasi motivasi intrinsik dan ekstrinsik merupakan mekanisme penting yang menjelaskan bagaimana gaya pembelajaran mempengaruhi pencapaian akademik, sambil menekankan perlunya mempertimbangkan laluan langsung dan implikasi praktikal dalam konteks pendidikan tempatan.

Kaedah Kajian Literatur

Artikel ini menggunakan pendekatan kajian literatur naratif (*narrative literature review*) untuk mengenal pasti, menilai, dan mensintesis teori, konsep, serta dapatan empirikal yang berkaitan dengan gaya pembelajaran, motivasi, dan pencapaian akademik pelajar prauniversiti. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik menganalisis secara kritikal pelbagai hasil penyelidikan sedia ada dan menginterpretasikan implikasi teoretikal serta empirikal, sekaligus membentuk asas bagi pembinaan model konseptual kajian.

Proses pencarian literatur dijalankan secara sistematik melalui pangkalan data akademik berindeks seperti *Scopus*, *ScienceDirect*, *ERIC*, *SpringerLink*, dan *Google Scholar* dengan had tahun penerbitan antara 2020 hingga 2025 bagi memastikan kesahihan, kebaruan, dan relevansi sumber rujukan.

Bagi menjamin kualiti sumber yang dipilih, beberapa kriteria inklusi telah ditetapkan, iaitu:

- i. Artikel mestilah diterbitkan dalam jurnal akademik berwasiat,
- ii. Ditulis dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu dan
- iii. Membincangkan sekurang-kurangnya dua daripada tiga konstruk utama kajian, iaitu gaya pembelajaran, motivasi, dan pencapaian akademik.

Kata kunci carian yang digunakan dalam proses pencarian termasuk: “*VARK learning styles*”, “*intrinsic motivation*”, “*extrinsic motivation*”, “*academic achievement*”, dan “*Form Six students*”.

Literatur yang memenuhi kriteria tersebut kemudiannya dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti pola hubungan, kecenderungan dapatan, dan jurang penyelidikan antara kajian terdahulu. Proses analisis ini dijalankan melalui tiga langkah utama:

- 1) Pengenalpastian tema utama dalam setiap kajian,
- 2) Penyepaduan dapatan antara kajian untuk membentuk kesimpulan konseptual dan
- 3) Penyusunan sintesis teori bagi menyokong pembentukan model konseptual yang dicadangkan.

Hasil analisis literatur ini dijadikan asas kepada pembinaan kerangka teori kajian, yang menggabungkan Model Gaya Pembelajaran VARK (Fleming & Mills, 1992) dan Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory*, SDT) (Deci & Ryan, 1985, 2000, 2020). Gabungan kedua-dua teori ini membolehkan kajian ini menerangkan mekanisme hubungan antara gaya pembelajaran dengan motivasi intrinsik dan ekstrinsik, serta kesannya terhadap pencapaian akademik pelajar Tingkatan Enam di Malaysia. Pendekatan ini membolehkan penekanan pada mediasi motivasi sebagai mekanisme penghubung utama antara gaya pembelajaran dan prestasi akademik, sambil mengambil kira laluan langsung dan tidak langsung yang mungkin wujud dalam konteks pendidikan prauniversiti.

Asas Teoretikal dan Model Konseptual

Kerangka teoretikal kajian ini berasaskan dua teori utama yang saling melengkapi, iaitu Model Gaya Pembelajaran VARK yang diperkenalkan oleh Fleming dan Mills (1992) serta Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory*, SDT) yang dibangunkan oleh Deci dan Ryan (1985, 2000, 2020). Penggabungan kedua-dua teori ini membolehkan pemahaman yang komprehensif tentang bagaimana pelajar menerima, memproses, dan mengaplikasikan maklumat (aspek kognitif), serta bagaimana motivasi intrinsik dan ekstrinsik mereka mempengaruhi tahap penglibatan dan pencapaian akademik (aspek afektif). Pendekatan ini sejajar dengan Howard et al. (2021) dan Wang et al. (2024), yang menegaskan bahawa interaksi antara gaya pembelajaran dan motivasi merupakan faktor penentu keberkesanan proses pembelajaran.

Model Gaya Pembelajaran VARK

Model Gaya Pembelajaran VARK membahagikan pelajar kepada empat kecenderungan utama dalam menerima dan memproses maklumat, iaitu *Visual*, Auditori (*Aural*), Bacaan/Tulisan (*Read/Write*) dan Kinestetik (Fleming & Mills, 1992; Fleming, 2014). Setiap pelajar mempunyai keutamaan tersendiri dalam cara mereka belajar, dan pemahaman terhadap kecenderungan ini membantu guru merancang strategi pengajaran yang lebih berkesan. Sebagai contoh, pelajar visual lebih mudah memahami maklumat melalui graf, carta, atau peta minda, manakala pelajar kinestetik memperoleh manfaat daripada aktiviti praktikal yang melibatkan pergerakan dan simulasi (Chinnapun & Narkkul, 2024). Prinsip asas model ini adalah keselarasan antara kaedah pengajaran dan gaya pembelajaran dapat meningkatkan tumpuan, motivasi, serta prestasi akademik pelajar (Hawk & Shah, 2022).

Dalam aplikasinya, Model VARK digunakan secara meluas dalam penyelidikan pendidikan untuk menyesuaikan pendekatan pengajaran dengan keutamaan pelajar. Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang belajar mengikut gaya dominan mereka cenderung mempunyai tahap penglibatan dan kefahaman yang lebih tinggi berbanding pelajar yang mengikuti pendekatan pengajaran yang tidak sejajar dengan kecenderungan mereka (Mozaffari et al., 2020; Hanawi et al., 2022). Fleming dan Mills (1992) menegaskan bahawa VARK bukan sekadar alat pengelasan, tetapi lebih kepada "*catalyst for reflection*", iaitu satu rangsangan untuk pelajar dan pendidik memahami serta menilai perbezaan individu dalam proses pembelajaran (Fleming, 2014). Oleh itu, Model VARK berperanan sebagai panduan reflektif bagi menilai keberkesanan strategi pembelajaran dalam pelbagai konteks pendidikan.

Dalam konteks pendidikan prauniversiti di Malaysia, khususnya bagi mata pelajaran Pengajian Perniagaan, penerapan Model VARK amat relevan. Strategi pengajaran yang dirancang berdasarkan keutamaan pelajar seperti penggunaan bahan visual (peta konsep dan infografik), auditori (rakaman kuliah atau perbincangan), bacaan/tulisan (nota berstruktur dan esei) serta kinestetik (simulasi dan pembelajaran berasaskan aktiviti) dapat meningkatkan kefahaman terhadap konsep ekonomi dan pengurusan (Rahman & Hashim, 2022). Namun demikian, keberkesanan pendekatan berasaskan gaya pembelajaran bergantung kepada konteks pengajaran, tahap kematangan pelajar, serta kebolehan guru menyesuaikan strategi pengajaran dengan situasi sebenar bilik darjah (Coffield et al., 2004).

Teori Penentuan Kendiri (Self-Determination Theory, SDT)

Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory*, SDT) yang diperkenalkan oleh Deci dan Ryan (1985, 2000, 2020) merupakan antara teori motivasi paling berpengaruh dalam bidang psikologi pendidikan. Teori ini menjelaskan bahawa tingkah laku manusia digerakkan oleh tiga keperluan psikologi asas iaitu autonomi (*autonomy*), kompetensi (*competence*) dan hubungan sosial (*relatedness*) (Deci & Ryan, 2000; Ryan & Deci, 2020). Apabila keperluan ini dipenuhi, pelajar akan menunjukkan motivasi intrinsik yang lebih tinggi, penglibatan aktif dalam pembelajaran, serta pencapaian akademik yang lebih baik (Howard et al., 2021). Sebaliknya, apabila keperluan ini dihalang, pelajar cenderung bergantung pada motivasi ekstrinsik seperti ganjaran atau hukuman. Oleh itu, SDT memberi tumpuan kepada keseimbangan antara kawalan dalaman dan luaran dalam proses pembelajaran, menjadikannya teori yang sangat berguna dalam memahami corak motivasi pelajar (Alivernini et al., 2023).

Dalam konteks pendidikan, motivasi intrinsik merujuk kepada dorongan dalaman pelajar untuk belajar kerana minat, kepuasan diri, dan rasa ingin tahu, manakala motivasi ekstrinsik merujuk kepada dorongan luaran seperti ganjaran, markah, pengiktirafan atau tekanan sosial (Deci & Ryan, 1985; Ryan & Deci, 2020). Kajian oleh Tu et al. (2024) mendapati bahawa pelajar yang mempunyai tahap autonomi dan kompetensi yang tinggi menunjukkan kesejahteraan akademik dan emosi yang lebih baik. Meta-analisis oleh Wang et al. (2024) pula menunjukkan bahawa intervensi berasaskan SDT yang menyokong keperluan psikologi pelajar dapat meningkatkan motivasi dan pencapaian akademik secara konsisten. Justeru, pemenuhan keperluan psikologi asas merupakan asas kepada pembelajaran yang berkesan dan berterusan (Shen et al. 2024).

Dalam konteks pendidikan prauniversiti di Malaysia, yang masih berorientasikan peperiksaan, SDT memberikan panduan penting kepada pendidik untuk menyeimbangkan keperluan akademik dengan kesejahteraan psikologi pelajar. Melalui pendekatan yang menyokong autonomi (contohnya memberi pilihan dalam pembelajaran), meningkatkan kompetensi (melalui maklum balas yang membina), serta memperkukuh hubungan sosial (melalui interaksi positif antara guru dan rakan), motivasi intrinsik pelajar dapat dikekalkan (Rahman & Hashim, 2022). Dalam kajian ini, SDT digunakan untuk menerangkan mengapa pelajar belajar (mekanisme motivasi) dan bagaimana motivasi memediasi hubungan antara gaya pembelajaran dan pencapaian akademik (Zhao & Liu, 2024).

Integrasi Model VARK dan Teori Penentuan Kendiri (SDT)

Integrasi antara Model Gaya Pembelajaran VARK (Fleming & Mills, 1992) dan Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory*, SDT) (Deci & Ryan, 1985, 2000, 2020) menyediakan asas konseptual yang kukuh untuk memahami hubungan antara gaya pembelajaran, motivasi, dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar prauniversiti. Model VARK menjelaskan bagaimana pelajar belajar, melalui keutamaan mereka dalam menerima dan memproses maklumat sama ada secara visual, auditori, bacaan/tulisan, atau kinestetik. Sebaliknya, SDT menghuraikan mengapa pelajar belajar, berpaksikan kepada pemenuhan tiga keperluan psikologi asas, iaitu autonomi, kompetensi, dan hubungan sosial (Ryan & Deci, 2020).


Gabungan kedua-dua teori ini menunjukkan bahawa keselarasan antara gaya pembelajaran dengan keutamaan pelajar dapat meningkatkan perasaan kompetensi dan autonomi, sekali gus memperkukuh motivasi intrinsik dan ekstrinsik untuk mencapai prestasi akademik yang lebih tinggi (Alivernini et al., 2023; Wang et al., 2024). Dalam konteks ini, motivasi berperanan

sebagai pemboleh ubah pengantara yang menerangkan kesan tidak langsung antara gaya pembelajaran dan pencapaian akademik. Oleh itu, integrasi Model VARK dan SDT bukan sahaja membolehkan pemahaman tentang perbezaan individu dalam proses pembelajaran, tetapi juga menjelaskan mekanisme psikologi yang mendorong pelajar untuk berusaha secara gigih, berorientasikan matlamat, dan mencapai kejayaan akademik secara berkesan dan berterusan (Howard et al., 2021; Zhao & Liu, 2024).

Selain itu, integrasi ini membina kesinambungan logik antara aspek kognitif (bagaimana pelajar memperoleh dan memproses maklumat melalui gaya pembelajaran mereka) dan aspek afektif (mengapa pelajar terdorong untuk belajar melalui motivasi intrinsik dan ekstrinsik), sekaligus menyediakan asas bagi pembangunan model konseptual kajian. Dengan pendekatan ini, guru dapat menyesuaikan strategi pengajaran berdasarkan keutamaan gaya pembelajaran sambil menyokong pemenuhan keperluan psikologi pelajar, menjadikan proses pembelajaran lebih berkesan dan berpusatkan pelajar, selaras dengan konteks pendidikan prauniversiti di Malaysia.

Cadangan Model Konseptual

Model konseptual kajian ini dibangunkan berasaskan integrasi dua teori utama, iaitu Model Gaya Pembelajaran VARK (Fleming & Mills, 1992) dan Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory*, SDT) (Deci & Ryan, 1985, 2000, 2020). Gabungan kedua-dua teori ini membolehkan pemahaman yang lebih komprehensif tentang bagaimana pelajar menerima, memproses, dan mengaplikasikan maklumat (aspek kognitif) serta bagaimana motivasi intrinsik dan ekstrinsik mereka mempengaruhi penglibatan dan pencapaian akademik (aspek afektif) (Howard et al., 2021; Wang et al., 2024). Dalam model ini, gaya pembelajaran pelajar bertindak sebagai pemboleh ubah bebas, yang memberi kesan kepada motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik sebagai pemboleh ubah pengantara, yang seterusnya mempengaruhi pencapaian akademik sebagai pemboleh ubah bersandar. Selain itu, model ini juga mengandaikan bahawa gaya pembelajaran mempunyai kesan langsung terhadap pencapaian akademik, menjadikannya model mediasi separa (*partial mediation*).



Rajah 1: Model Konseptual Kajian

Model di Rajah 1 menggambarkan integrasi antara VARK dan SDT, di mana VARK menjelaskan bagaimana pelajar belajar, manakala SDT menerangkan mengapa pelajar belajar, berpaksikan kepada pemenuhan tiga keperluan psikologi asas, iaitu autonomi, kompetensi, dan hubungan sosial (Ryan & Deci, 2020).

Dalam laluan langsung (VARK → Pencapaian Akademik), pelajar yang menggunakan strategi pembelajaran selaras dengan gaya dominan mereka cenderung mencapai keputusan akademik lebih tinggi, kerana kaedah pembelajaran yang sepadan dengan kecenderungan kognitif individu meningkatkan kefahaman dan pengekal ilmu (Mozaffari et al., 2020; Hanawi et al., 2022).

Sementara itu, laluan tidak langsung (VARK → Motivasi → Pencapaian Akademik) menekankan bahawa keselarasan antara gaya pembelajaran dan keutamaan pelajar dapat meningkatkan autonomi dan kompetensi, dua komponen utama SDT, yang seterusnya memperkukuh motivasi intrinsik dan ekstrinsik (Howard et al., 2021; Alivernini et al., 2023). Pelajar yang bermotivasi tinggi lebih gigih, berorientasikan matlamat, dan cenderung meningkatkan pencapaian akademik secara berterusan (Zhao & Liu, 2024; Wang et al., 2024).

Secara keseluruhan, model ini menunjukkan bahawa motivasi berperanan sebagai pemboleh ubah pengantara separa, yang menerangkan bagaimana gaya pembelajaran mempengaruhi pencapaian akademik bukan sahaja secara langsung, tetapi juga melalui peningkatan motivasi. Integrasi VARK dan SDT dalam model ini menyumbang kepada pemahaman teori yang lebih menyeluruh tentang interaksi antara faktor kognitif (gaya pembelajaran) dan afektif (motivasi) dalam meningkatkan keberhasilan akademik pelajar Tingkatan Enam dalam mata pelajaran Pengajian Perniagaan di Malaysia. Dengan pemahaman ini, model konseptual bukan sahaja menerangkan mekanisme psikologi pembelajaran, tetapi juga menyediakan asas untuk strategi pedagogi berpusatkan pelajar yang boleh diaplikasikan dalam konteks bilik darjah untuk meningkatkan motivasi dan prestasi akademik secara berkesan.

Kesimpulan dan Implikasi Kajian

Kajian konseptual ini menegaskan bahawa keberkesanan pembelajaran pelajar prauniversiti tidak hanya bergantung kepada gaya pembelajaran yang dimiliki, tetapi juga dipengaruhi oleh tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik mereka. Integrasi antara Model Gaya Pembelajaran VARK dan Teori Penentuan Kendiri (SDT) menyediakan kerangka yang komprehensif untuk memahami interaksi antara faktor kognitif dan afektif dalam mempengaruhi pencapaian akademik. Secara teoretikal, model ini menekankan bahawa gaya pembelajaran dapat meningkatkan pencapaian akademik melalui pengantaraan motivasi, sekaligus menjelaskan hubungan psikologi antara *how students learn* dan *why they learn* (Mozaffari et al., 2020; Howard et al., 2021; Wang et al., 2024).

Dari perspektif praktikal, model ini menawarkan implikasi penting kepada guru dan pembangun kurikulum di Malaysia. Guru digalakkan menilai gaya pembelajaran pelajar secara sistematik menggunakan instrumen seperti Inventori VARK dan menyesuaikan strategi pengajaran berdasarkan keutamaan pelajar. Selain itu, persekitaran pembelajaran perlu direka untuk memenuhi keperluan psikologi asas pelajar seperti autonomi, kompetensi, dan hubungan sosial, yang bertujuan untuk meningkatkan motivasi intrinsik mereka (Deci & Ryan, 2020; Howard et al., 2021).

Bagi pembuat dasar pendidikan, model ini menyokong pelaksanaan kurikulum yang lebih fleksibel dan menyediakan pelbagai pendekatan pedagogi berpusatkan pelajar, selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025. Pelaksanaan strategi ini berpotensi memperkukuh keberkesanan pengajaran, meningkatkan keterlibatan pelajar, dan menyokong pencapaian akademik secara menyeluruh.

Selain itu, kajian ini membuka ruang bagi penyelidikan empirikal masa hadapan untuk menguji kekuatan hubungan antara pemboleh ubah menggunakan *Structural Equation Modeling* (SEM) dalam konteks pendidikan prauniversiti di Malaysia. Penyelidikan lanjutan berasaskan model ini berpotensi memperkukuh strategi intervensi pembelajaran yang lebih personal, holistik, dan berkesan, seterusnya meningkatkan pencapaian akademik pelajar Tingkatan Enam dalam mata pelajaran Pengajian Perniagaan.

Secara keseluruhan, integrasi VARK dan SDT dalam model konseptual ini bukan sahaja menyumbang kepada pemahaman teori yang lebih menyeluruh tentang interaksi kognitif dan afektif, tetapi juga menyediakan panduan praktikal untuk penambahbaikan strategi pedagogi berpusatkan pelajar dalam konteks pendidikan prauniversiti di Malaysia.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia atas bimbingan, pandangan akademik dan sokongan intelektual yang diberikan sepanjang penyediaan artikel ini. Penghargaan turut dirakamkan kepada pihak Global Academic Excellence (GAE) atas penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Alivernini, F., Manganelli, S., & Cavicchiolo, E. (2023). Understanding and supporting the motivation of students from low-income backgrounds: A self-determination theory perspective. *Contemporary Educational Psychology*, 74, 102217. <https://doi.org/10.1016/j.cedpsych.2023.102217>
- Al Shuaili, A. S. T. (2025). Intrinsic and extrinsic motivation as predictors of academic achievement and learning attitudes: Evidence from Omani schools. *Educational Research and Reviews*, 13(4), 211–220.
- Alzabidi, A., Rahman, N. A., & Ismail, S. (2024). Academic performance and academic self-efficacy among pre-university students in Malaysia. *Journal of Educational Research and Practice*, 14(2), 45–59.
- Chinnapun, P., & Narkkul, U. (2024). Learning styles and learning achievement of undergraduate students: Applying the VARK model. *International Journal of Instruction*, 17(1), 89–104. <https://doi.org/10.29333/iji.2024.1716a>
- Coffield, F., Moseley, D., Hall, E., & Ecclestone, K. (2004). *Learning styles and pedagogy in post-16 learning: A systematic and critical review*. Learning and Skills Research Centre.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (1985). *Intrinsic motivation and self-determination in human behavior*. Springer.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). The “what” and “why” of goal pursuits: Human needs and the self-determination of behavior. *Psychological Inquiry*, 11(4), 227–268.
- Fleming, N. D., & Mills, C. (1992). Not another inventory, rather a catalyst for reflection. *To Improve the Academy*, 11(1), 137–155.
- Hawk, T. F., & Shah, A. J. (2022). Using learning style instruments in teaching and training: Reliability and practical implications. *Journal of Education for Business*, 97(5), 297–308.
- Hanawi, S. A., Saeed, M., Anshar, A. M., & Ali, S. (2022). The relationship between learning style and academic performance among university students. *Advances in Medical Education and Practice*, 13, 127–134. <https://doi.org/10.2147/AMEP.S338591>

- Howard, J. L., Gagné, M., & Bureau, J. S. (2021). Student motivation and associated outcomes: A meta-analysis from self-determination theory. *Perspectives on Psychological Science*, 16(1), 92–111. <https://doi.org/10.1177/1745691620966789>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013–2025 (Pendidikan prasekolah hingga lepas menengah)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Majlis Peperiksaan Malaysia. (2024). *Laporan prestasi peperiksaan STPM tahun 2024*. Putrajaya: Majlis Peperiksaan Malaysia.
- Lee, J., & Choi, H. (2023). The impact of motivation on learning outcomes in blended learning environments. *Computers & Education*, 195, 104684.
- Mozaffari, H. R., Janatolmakan, M., Sharifi, R., Ghandinejad, F., Andayeshgar, B., & Khatony, A. (2020). The relationship between the VARK learning styles and academic achievement in dental students. *Advances in Medical Education and Practice*, 11, 15–19. <https://doi.org/10.2147/AMEP.S235002>
- Rahman, N., & Hashim, H. (2022). Learning style, motivation and academic performance among Malaysian pre-university students. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 37(1), 55–72.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2020). Brick by brick: The origins, development, and future of self-determination theory. *Advances in Motivation Science*, 7, 111–156. <https://doi.org/10.1016/bs.adms.2019.07.001>
- Sejdiu Shala, D., Thaçi, E., & Shala, A. (2024). Learning styles and motivation: Their role in academic performance. *Journal of Educational and Social Research*, 14(3), 258–266. <https://doi.org/10.36941/jesr-2024-0071>
- Tu, L., Liu, H., & Díaz, A. (2024). Academic motivation and contextual influences in well-being for students with disabilities: An SDT-based model. *Journal of Educational Psychology*, 116(5), 745–760. <https://doi.org/10.1037/edu0000789>
- Vanden Bogaard, D., Soenens, B., Brenning, K., Flamant, N., & Vansteenkiste, M. (2024). Can students learn to optimize their need-based experiences and mental health during a stressful period? Testing a need-crafting intervention in higher education. *Journal of Happiness Studies*, 25(5). <https://doi.org/10.1007/s10902-024-00761-8>
- Wang, Y., Wang, N., & Chen, X. (2024). A systematic review and meta-analysis of self-determination theory interventions in education: Effects on motivation and academic outcomes. *Educational Research Review*, 38, 101234. <https://doi.org/10.1016/j.edurev.2024.101234>
- Widiyanto, D., Novitasari, N., Syahroni, M., Prananda, A. R., Mujtahidah, T., & Istiqomah, A. (2025). Development and validation of the VARK instrument in citizenship education learning: A structural equation modeling approach for more accurate learning style measurement. *Journal Evaluation in Education (JEE)*, 6(2), 556–564. <https://doi.org/10.37251/jee.v6i2.1561>
- Zhao, L., & Liu, H. (2024). Intrinsic and extrinsic motivation in online learning: The mediating role of student engagement. *Computers & Education*, 203, 104894. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2023.104894>